

## **SKIM PERKHIDMATAN KURATOR GRED S41**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN SOSIAL</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>:</b>	<b>1</b>
<b>JADUAL GAJI (GRED S41)</b>	<b>:</b>	<b>GAJI MINIMUM - RM2,078.00</b>
		<b>GAJI MAKSIMUM - RM9,544.00</b>
		<b>KADAR KENAIKAN - RM225.00</b>
		<b>GAJI TAHUNAN</b>

### **1. SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sosiologi, Antropologi, Sejarah, Kaji Purba, Zoologi, Sastera, Seni Lukis, Seni Reka, Seni Halus, Seni Bina, Permuziuman, Konservasi atau dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86) atau

- (ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Permuziuman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,588.49)

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) Dalam subjek Bahasa Melayu Pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator, adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Kurator Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. i. Mempunyai kelayakan di perenggan (c); atau  
ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan
- b. had umur pelantikan:
  - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **BORANG LPSVN 1/94 (Pindaan 2013)** yang boleh didapati secara percuma daripada Bahagian Khidmat Pengurusan LPSVN atau boleh dimuat turun daripada laman web LPSVN [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my). Borang salinan pendua boleh digunakan.
2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan yang berkelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang telah disahkan.
3. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 30cm. Disudut sebelah kiri sampul hendaklah ditulis nama **jawatan yang dipohon**.

## **PERMOHONAN YANG DITOLAK**

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- i. tidak menggunakan Borang **LPSVN 1/94 (Pindaan 2013)**;
- ii. tidak disertakan gambar berukuran pasport;
- iii. tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan dan tidak disahkan benar seperti salinan asal;
- iv. tidak lengkap dan tidak terang;
- v. tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan;
- vi. tidak menandatangani borang permohonan.

## **ALAMAT DAN TARikh TUTUP PERMOHONAN**

- (a) Permohonan hendaklah disampaikan kepada;

Ketua Pengarah  
Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara  
No.2, Jalan Temerloh  
Off Jalan Tun Razak  
53200 Kuala Lumpur  
**(u.p: Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan))**

- (b) **Tarikh tutup : 24 Januari 2019**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.